

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)
SALURKAN BANTUAN KEPADA SEMUA
INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KELOLAANNYA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian laporan media mengenai isu yang dibangkitkan sesetengah pihak berkenaan peruntukan khas bagi pelaksanaan kerja-kerja naik taraf tandas dan penyelenggaraan institusi pendidikan kerajaan.

Walaupun peruntukan khas ini diberi khusus kepada Sekolah Kerajaan (SK), KPM tidak sama sekali meminggirkan kebajikan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK).

Pada tahun 2023, KPM menyediakan sumbangan bantuan penyelenggaraan kepada SBK di seluruh negara. Sumbangan bantuan penyelenggaraan SBK telah dibuat berdasarkan kepada Garis Panduan Pengurusan Sumbangan Bantuan Sekolah Bantuan Kerajaan Tahun 2021 dan Tatacara Pengurusan Sumbangan Bantuan Sekolah Bantuan Kerajaan Tahun 2023.

Belanjawan 2023 memperuntukkan sejumlah RM900 juta untuk kerja-kerja menyelenggara kemudahan semua jenis sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

KPM sentiasa berusaha memastikan akses pendidikan terbaik untuk semua murid di institusi-institusi pendidikan bawah kelolaannya.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
14 SEPTEMBER 2023**